


**BERITA ONLINE
HARIAN METRO
16 FEBRUARI 2022 (RABU)**



Jabatan Kimia sediakan 146,486 laporan pemantauan kualiti air minum tahun lalu

BERNAMA



Putrajaya: Jabatan Kimia Malaysia membekalkan 146,486 laporan pemantauan Program Pengawasan Kawalan Mutu Air Minuman Kebangsaan (KMAM) kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tahun lalu, menurut Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti).

Mosti dalam kenyataannya hari ini berkata, laporan itu penting untuk kerajaan khususnya KKM dalam usaha meningkatkan taraf kesihatan orang ramai selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu membekalkan air yang bersih, selamat serta berkualiti kepada pengguna.

Laporan itu dikeluarkan oleh ibu pejabat Jabatan Kimia iaitu 34,101 laporan, dan negeri serta cawangan iaitu Johor (22,282); Perak (15,702); Kuching (10,782); Sibu (9,740); Pahang (9,714); Kelantan (8,680); Sabah (7,284); Pulau Pinang (7,037); Melaka (6,877); Kedah (6,091); Terengganu (4,990) dan Bintulu (3,206).

Mosti berkata, laporan yang dikeluarkan itu merangkumi analisis air mikrobiologi dan kimia.

"Keputusan analisis perlu bagi memastikan air minuman yang dibekalkan kepada rakyat adalah selamat dan bebas dari penyakit bawaan air yang boleh membahayakan kesihatan serta memastikan kandungan bakteria dan kimia mematuhi piawaian yang ditetapkan," katanya.

Mosti berkata, kerja-kerja analisa bagi pemantauan kualiti air minum tetap diteruskan oleh jabatan itu sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 tahun lalu memandangkan analisa itu merupakan perkhidmatan perlu demi menjamin kesejahteraan rakyat.

Mosti berkata, laporan itu turut dimanfaatkan oleh syarikat pembekal air seperti Pengurusan Air Selangor, Syarikat Air Negeri Sembilan dan Syarikat Air Kelantan.

Disiarkan pada: Februari 16, 2022 @ 7:18pm